



KENYATAAN MEDIA

KOLABORASI STRATEGIK INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES) DAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) DALAM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN BELIA MALAYSIA

Satu memorandum persefahaman (MoU) kerjasama strategik dimeterai antara Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung di Dewan Podium, menara Kementerian Belia Dan Sukan, Putrajaya hari ini.

Kerjasama ini dapat memberi faedah kepada kedua-dua pihak dalam menghasilkan *output* berpacuan sains data yang boleh dimanfaatkan oleh semua pemegang taruh khususnya dalam aspek pembangunan belia di negara ini. Menerusi usahasama ini juga, IYRES yang merupakan sebuah institusi penyelidikan di bawah Kementerian Belia dan Sukan akan memanfaatkan data hasil kajian pembangunan belia dan pihak UMP dapat berkongsi kepakaran khususnya dalam konteks sains data yang dapat menyumbang ke arah penyediaan data raya (big data).

Majlis MoU ini menyaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah IYRES, YBr. Dr. Muhammad Mahadi bin Mohamad dan YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin yang menjalankan fungsi Naib Canselor UMP menandatangani dokumen MoU. Turut sama adalah Ketua Pegawai Eksekutif IYRES, YBr. Dr. Vellapandian Ponnusamy dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, YBhg. Prof. Ts. Dr. Kamal Zuhairi bin Zamli.

MoU ini juga merupakan satu bentuk kerjasama bersama untuk memenuhi tugas dan fungsi kedua-dua belah pihak dalam menjalankan inisiatif penyelidikan, analisis data, kepakaran, penerbitan serta dalam penganjuran bersama forum, siri diskusi, seminar dan latihan dalam Data Raya serta pembangunan belia.

Usahasama di antara UMP dan IYRES ini dapat dilihat begitu strategik dan bertepatan dengan trend semasa dalam mendepani era revolusi industri 4.0 (IR 4.0) memandangkan analitik data raya (*big data analytic*) merupakan satu tonggak kemajuan teknologi masa depan.

Dalam pada itu turut berlangsung Webinar *Machine Learning & Data Science: The Future Impacts* sebagai inisiatif bersama dalam mendapatkan maklumat yang jelas berkaitan data sains.

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

18 November 2021

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, IYRES Tel: 03 - 8871 3337

Unit Komunikasi Korporat UMP

Emel: mimirabitah@ump.edu.my Tel: 09-4245058/ 0199887321

MAKLUMAT TAMBAHAN

Mengenai Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan dan melaksanakan program latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Mengenai Universiti Malaysia Pahang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah sebuah universiti teknologi yang menawarkan pelbagai program teknikal berteraskan Kejuruteraan dan Teknologi serta program pengajian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) aras tinggi. Sebagai salah sebuah universiti dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan universiti terbaik Penyelidikan dan inovasi (Non-RU), UMP dilihat sentiasa komited mencipta inovasi dan keunikan dalam penawaran program akademik melalui jalinan strategik di peringkat antarabangsa.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan produk penyelidikan.